

05/03/1999

Pas tidak faham kehendak rakyat Sabah

PAS meletak calonnya di enam kawasan dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah yang akan berlangsung 12 dan 13 Mac ini. Pas berbuat demikian walau pun sedar, peluang parti itu untuk menang, adalah terlalu tipis. Malah, parti itu mungkin kehilangan wang pertaruhan. Parti itu sudah pun mencuba dalam pilihan raya yang lalu, tetapi tidak memperolehi sebarang kerusi. Mungkin, bagi Pas, sama ada menang atau kalah, ia tidak memberi kesan kepada parti itu kerana tujuan utamanya bertanding pun, bukanlah untuk menang. Penyertaan parti itu sekadar mahu mengukur sejauh mana parti itu boleh meluaskan sayapnya di Sabah. Ia juga mahu mengukur sejauh mana perkembangan isu di Semenanjung, merebak ke negeri itu. Namun, dalam politik, ia penuh dengan muslihat.

Apakah muslihat Pas yang hanya bertanding di enam kawasan DUN? Untuk memerintah, ia adalah jauh panggang dari api kerana penyertaan parti itu dalam pilihan raya kali ini, tidak bersungguh-sungguh. Pas tidak meletakkan calonnya di banyak kawasan kerana sedar parti itu tidak mendapat sokongan rakyat Sabah. Jika Pas yakin benar-benar kuat dan diterima di Sabah, sudah tentu parti itu meletakkan calonnya di sebahagian besar 48 kawasan yang dipertandingkan. Jika Pas benar-benar yakin dengan perjuangannya dan percaya mendapat sokongan rakyat, sudah tentu parti itu meletakkan ramai calonnya, atau setidak-tidaknya di semua kawasan majoriti umat Islam. Namun, Pas sekali lagi tidak berbuat demikian. Sudah tentulah sukar bagi rakyat Sabah untuk mengundi parti itu kerana dengan enam kerusi, mustahil ia dapat memerintah Sabah. Apakah rakyat Sabah mahu mengundi parti yang sudah pasti tidak boleh mendapat majoriti di DUN Sabah. Rakyat Sabah tentulah sukar mengundi calon parti itu kerana sekali pun menang semua kerusi yang dipertandingkannya, ia tidak boleh membentuk kerajaan. Dalam soal ini, Pas sebenarnya tidak faham kehendak rakyat Sabah. Parti itu seolah-olah memperkecilkan kemampuan daya fikir rakyat negeri itu supaya memilih parti yang tidak mungkin akan berkuasa. Pas juga memperhitungkan kemungkinan parti itu akan diterima bergabung untuk membentuk kerajaan campuran dengan parti pembangkang lain. Jika ini berlaku, Pas sebenarnya membelakangkan kehendak ahli-ahlinya di Semenanjung. Adakah Pas boleh bersekudukan dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang mana dari segi matlamat perjuangannya adalah ibarat bumi dan langit?

Jika Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad menganggap penyertaan Pas hanya bertujuan membantu PBS untuk mengalahkan Umno, ia adalah satu jangkaan yang tepat. Dengan berbuat demikian, Pas tentunya yakin dapat memecahkan undi di kawasan Umno meletakkan calonnya terutama apabila kawasan itu turut ditandingi PBS dan Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu). Itulah sebabnya Pas bertanding di kawasan paling ramai umat Islam. Sekurang-sekurangnya Pas berkeyakinan bahawa undi orang Melayu akan berpecah kepada tiga kumpulan iaitu Umno, Pas dan Bersekutu. Pas mungkin berpegang kepada teori bahawa jika berlaku perpecahan undi, calon Umno yang mewakili Barisan Nasional (BN) akan kecundang dan calon PBS akan menang. Berbuat demikian sekali pun Pas mungkin terperangkap dengan perangkapnya sendiri.

Apakah isu kempen Pas?

Jika Pas membangkitkan soal perjuangan parti itu di Sabah, rasanya sukar bagi rakyat negeri itu menerimanya. Bagi rakyat Sabah, Pas begitu asing bagi mereka. Jika Pas mahukan simpati, bermakna parti itu perlu membawa

isu yang sama sebagaimana dibawa oleh PBS. Ini tentunya bercanggah dengan dasar Pas itu sendiri. Apakah Pas boleh bercakap mengenai Islam pada satu perhimpunan dan mengubah tajuk kempen pada perhimpunan yang lain hanya disebabkan sasaran pengundi yang berbeza. Apa pun, disebabkan kempen baru saja bermula, segala-galanya masih belum dapat disingkap dengan nyata.

Bagi PBS, penyertaan Pas di Sabah boleh dianggap sebagai bonus. PBS tahu Pas tidak akan menang walau pun satu kerusi. Oleh itu, tidak ada sebab PBS perlu membantah penyertaan Pas. Malah, PBS mengalu-alukan kedatangan Pas kerana ia boleh membantu memecahkan undi Umno. Cuma, mereka lupa bahawa Umno di Sabah yang dipimpin oleh rakyat negeri itu sendiri sudah pun bertapak kukuh. Adalah sukar bagi pengundi mengubah haluan kerana mereka tahu sejauh mana kejujuran parti-parti yang bertanding. Pengundi tentulah akan memilih parti yang tidak mendatangkan sebarang risiko terhadap masa depan mereka.

(END)